



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

## SIARAN MEDIA

### **SAMBUTAN HARI WANITA ANTARABANGSA 2026 ZON BORNEO PERKUKUH KOMITMEN PEMERKASAAN WANITA SEBAGAI RAKAN STRATEGIK PEMBANGUNAN NEGARA**

**KUCHING, 28 Januari 2026** – Sambutan Hari Wanita Antarabangsa 2026 Zon Borneo menjadi platform penting dalam memperkukuh komitmen Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Sarawak untuk memartabatkan wanita sebagai rakan strategik pembangunan sosioekonomi negara, selaras dengan tema sambutan tahun ini, *“Memartabat Wanita, Memperkukuh Negara”*.

Premier Sarawak, YAB Datuk Patinggi Tan Sri (Dr) Abang Haji Abdul Rahman Zohari bin Tun Datuk Abang Haji Openg menegaskan bahawa kemajuan Sarawak tidak akan dapat dicapai tanpa penglibatan aktif wanita sebagai rakan kongsi pembangunan. Menurut beliau, wanita Sarawak merupakan tulang belakang keluarga, pemangkin komuniti dan nadi utama pembangunan negeri.

Beliau turut merakamkan penghargaan kepada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) serta Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) atas pelaksanaan pelbagai inisiatif pemerkasaan wanita di Sarawak, termasuk program Wanita Dinamik dan Program Perantisan Kepimpinan Wanita (PERANTIS) yang telah memberi manfaat kepada ribuan wanita, khususnya di peringkat akar umbi.

Sementara itu, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, YB Dato' Sri Nancy Shukri menekankan bahawa wanita merupakan rakan strategik pembangunan negara berdasarkan realiti demografi dan sumbangan mereka dalam pelbagai sektor. Menurut statistik Jabatan Perangkaan Malaysia, wanita membentuk hampir separuh daripada jumlah penduduk negara, manakala di Sarawak, wanita merangkumi hampir 49 peratus populasi keseluruhan.

Dalam usaha memperkukuh kepimpinan wanita, Program PERANTIS diperkenalkan bagi melahirkan pemimpin wanita berwibawa, namun penyertaan wanita dari Sarawak masih perlu dipertingkatkan. Sehubungan itu, semua pemimpin komuniti diseru untuk menggalakkan lebih ramai wanita menyertai program tersebut.

Kedua-dua pemimpin turut menekankan peranan wanita sebagai penggerak Ekonomi Jingga, khususnya dalam sektor ekonomi kreatif, digital dan berasaskan komuniti. Wanita Sarawak dilihat mempunyai potensi besar dalam industri kraf, budaya, pelancongan komuniti, kandungan digital dan perusahaan warisan tempatan yang mampu menembusi pasaran nasional dan antarabangsa melalui penggunaan teknologi dan e-dagang.

Dalam aspek kesejahteraan sosial, Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri terus memberi keutamaan kepada perlindungan wanita melalui penyediaan perkhidmatan kesihatan dan saringan kanser servis melalui ujian HPV DNA.

Kerajaan juga menyedari cabaran berterusan seperti isu keseimbangan kerja dan kehidupan, akses kepada kepimpinan serta jurang penyertaan ekonomi dan politik. Sehubungan itu, melalui Dasar Wanita Negara dan Pelan Tindakan Pembangunan Wanita 2025–2030 serta Rancangan Malaysia Ke-13, Kerajaan mensasarkan kadar penyertaan wanita dalam tenaga kerja mencapai 60 peratus menjelang tahun 2033.

Sambutan Hari Wanita Antarabangsa 2026 Zon Borneo ini dilihat sebagai titik permulaan penting dalam memperkukuh kerjasama strategik antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Sarawak bagi memastikan agenda pemerkasaan wanita dilaksanakan secara berfokus, inklusif dan berimpak tinggi demi kesejahteraan keluarga, komuniti dan negara.

Turut hadir ialah YB Datuk Amar Professor Dr. Sim Kui Hian, Timbalan Premier Menteri Kesihatan Awam, Perumahan Dan Kerajaan Tempatan, YB Tan Sri Datuk Amar Mohamad Asfia bin Awang Nassar, Speaker Dewan Undangan Negeri (DUN) Sarawak, YB Dato Sri Hajah Fatimah Abdullah, Menteri Pembangunan Wanita, Kanak-Kanak dan Kesejahteraan Komuniti Sarawak, YB Dato Sri Abdul Karim Rahman Hamzah, Menteri Pelancongan, Industri Kreatif dan Seni Persembahan Sarawak, Puan Hanani Sapit, Ketua Pengarah Jabatan Pembangunan Wanita dan Ketua-ketua jabatan persekutuan dan negeri.

####

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT**  
**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**